



DOMAIN REGISTRY

Internet Identity For All

.com.my

.org.my

.gov.my

.my

.mil.my

.name.my

.net.my

.edu.my

LAPORAN TAHUNAN 2011
2011 ANNUAL REPORT



KANDUNGAN

Contents

Latar Belakang Agensi Agency Background	02
Misi, Visi dan Fungsi Vision, Mission and Functions	03
Kata Aluan Pengerusi Chairman's Foreword	04
Ahli Lembaga Pengarah Board of Directors	06
Pengurusan Management Team	07
Carta Organisasi Organization Chart	08
Pencapaian/Aktiviti Sepanjang Tahun 2011 Achievements/Activities in 2011	10
Warga Kerja MYNIC Berhad 2011 MYNIC Berhad 2011 Team	38
Penyata Kewangan 2011 Financial Statement	40
Wakil Jualan Resellers	71



LATAR BELAKANG AGENCY

Agency Background

VISI, MISI & FUNGSI

Vision, Mission & Functions

MYNIC Berhad (entiti sah MYNIC Berhad dengan No. Pendaftaran Syarikat: 735031-H) ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan dikawalselia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

MYNIC Berhad (legal entity MYNIC Berhad with Company Registration No: 735031-H) is an agency under Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) and is regulated by Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).

Aktiviti utama MYNIC Berhad adalah pentadbir tunggal untuk alamat web yang berakhir dengan .my di Malaysia. Sebagai pentadbir nama domain peringkat kebangsaan, MYNIC Berhad memberikan organisasi dan individu di Malaysia identiti jenama yang unik di Internet. MYNIC Berhad mendaftar pelbagai nama domain iaitu .my, .com.my, .org.my, .net.my, .edu.my, .gov.my, .mil.my dan .name.my.

The main activity of MYNIC Berhad is sole administrator for web addresses that end with .my in Malaysia. As the national level domain name, MYNIC Berhad gives Malaysian organization and individuals their unique brand identity on the Internet. MYNIC register a wide range of domain names ie. .my, .com.my, .org.my, .net.my, .edu.my, .gov.my, .mil.my and .name.my.

MYNIC Berhad mempunyai jaringan wakil jualan di seluruh negara yang bekerja 24 x 7 hari seminggu untuk membantu di dalam urusan pendaftaran dan pembayaran nama domain. Wakil jualan MYNIC juga pakar dalam menyediakan perkhidmatan untuk semua keperluan web dan internet, daripada membangunkan laman web, membuka akaun e-mel, web hosting, merekabentuk laman web dan pembaharuan tahunan nama domain.

MYNIC have a network of authorized resellers nationwide, working 24 x 7 to assist in registering and billing activities of domain names. MYNIC resellers are also experts in providing one-stop services for all web and Internet needs, from developing website, creating email accounts, web hosting, web design to annual renewal of domain names. In addition, MYNIC Berhad holds the responsibility of developing top level domain policies and is always in the forefront of domain name technologies, carrying out research projects such as Internet Protocol version 6 (IPv6), Domain Name System Security Extensions (DNSSEC) and Internationalized Domain Name (IDN) and also involved in promoting and training activities for the usage of these technologies.

MYNIC Berhad juga bertanggungjawab untuk membangunkan dasar-dasar domain peringkat tertinggi dan sentiasa berada di hadapan teknologi nama domain dengan melaksanakan projek-projek penyelidikan seperti *Internet Protocol version 6 (IPv6)*, *Domain Name System Security Extensions (DNSSEC)* dan *Internationalized Domain Name (IDN)* dan juga terlibat di dalam aktiviti penyebaran serta latihan dalam penggunaan teknologi tersebut.

At MYNIC Berhad, we ensure our stakeholder - the government, the business and the public are given the best care, service and support of their Internet Identity with Trust, Confidence and Security - the three main thrusts of our working philosophy.

MYNIC Berhad, sentiasa akan memastikan pemegang amanah kami - pihak Kerajaan, pihak perniagaan dan orang awam akan diberi perhatian, perkhidmatan dan sokongan yang sewajarnya untuk identiti internet mereka selaras dengan 3 teras falsafah kerja MYNIC iaitu Kepercayaan, Keyakinan dan Keselamatan.

Visi

Untuk Menjadi Pembekal Pendaftar Internet dan Perkhidmatan Alamat Yang Paling Inovatif di Rantau Asia Pasifik.

Vision

To Be the Most Innovative Internet Provider of Internet Registry & Addressing Services in the Asia Pacific.

Misi

Memberi perkhidmatan cemerlang di dalam Perkhidmatan Pendaftar Internet di Malaysia di dalam melaksanakan identiti unik kepada komuniti Internet.

Mission

Excel in Malaysian Internet Registry services to create unique identifiers for the Internet community.

Fungsi

MYNIC Berhad ialah pentadbir nama domain peringkat tertinggi .my (TLD), termasuk pendaftaran nama domain, penyelenggaraan dan pengoperasian pusat pangkalan data bagi nama domain .my.

Functions

MYNIC Berhad administers the name space for the .my top level domain (TLD), including registration of domain names, maintenance and operation of the central database of the domain registry (a central database for .my domain names).

MYNIC Berhad mendaftar lapan (8) kategori nama domain seperti berikut:

MYNIC Berhad administers eight (8) domain name categories, namely:

- .my - bagi individu dan semua organisasi di Malaysia
- .com.my - bagi organisasi/aktiviti komersial
- .net.my - bagi organisasi/aktiviti yang berkaitan dengan rangkaian
- .org.my - bagi organisasi/aktiviti yang tidak layak dalam kategori lain
- .edu.my - bagi institusi pendidikan Malaysia sahaja
- .gov.my - bagi agensi kerajaan Malaysia sahaja
- .mil.my - bagi agensi ketenteraan Malaysia sahaja
- .name.my - bagi kegunaan individu warganegara Malaysia dan bukan warganegara yang menetap di Malaysia.

- .my - for Malaysian individuals and organizations
- .com.my - for commercial organisation/activities
- .net.my - for network-related organisations/activities
- .org.my - for organisations/activities which do not qualify for other categories
- .edu.my - for Malaysian educational organisations only
- .gov.my - for Malaysian government organisations only
- .mil.my - for Malaysian military organisations only
- .name.my - for Malaysian individual's personal use only.

MYNIC Berhad juga bertanggungjawab untuk membangunkan dasar-dasar domain peringkat tertinggi dan sentiasa berada di hadapan teknologi nama domain dengan melaksanakan projek-projek penyelidikan seperti IPv6, DNSSEC, Anycast dan IDN serta juga terlibat di dalam aktiviti penyebaran dan latihan dalam penggunaan teknologi tersebut.

In addition, MYNIC Berhad holds the responsibility of developing top level domain policies and is always in the forefront of domain name technologies, carrying out research projects such as IPv6, DNSSEC, Anycast and IDN and also involved in promoting and training activities for the usage of these technologies.



KATA ALUAN Pengerusi

Chair's Foreword

Sekali lagi, kita melihat permintaan yang tinggi untuk domain .my iaitu dengan peningkatan yang ketara bagi pendaftaran baru nama domain dan pembaharuan nama domain. Peningkatan berterusan dan menggalakkan dalam peratusan pendaftaran baru (29.4%) nama domain menunjukkan pedaffar amat yakin dan mempercayai nama domain di bawah identiti .my.

MYNIC Berhad akan terus meneroka dan memperkembangkan keupayaan syarikat kerana ia penting, termasuklah memacu inovasi dan merubah tumpuan dengan memenuhi keperluan pelanggan MYNIC Berhad. Pada tahun 2011 MYNIC Berhad telah melancarkan .my DAY di Pusat Dadangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur untuk meningkatkan kehadiran .my dalam talian dan menggalakkan penggunaan Teknologi Sistem Nama Domain (DNS) di Malaysia. MYNIC Berhad juga telah memulakan beberapa projek utama iaitu 1MYID dan Get Malaysian Business Online (GMBO) masing-masing dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia dan Google Malaysia. 2011 ng juga ia menandakan permulaan Nama Domain Diantarabangsa untuk nama Jawi, Cina dan Tamil.

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab dan mementingkan keperluan rakyat, MYNIC Berhad turut menyumbang pada program yang berunsurkan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) melalui rogram 1nita dan Program 2u-School. Bagi program 1nita, MYNIC Berhad telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk melatih lebih ramai usahawan wanita dalam mengembangkan perniagaan mereka melalui penggunaan laman web. Manakala Program 2u-School pula, memberi tumpuan untuk melatih wakil-wakil sekolah untuk mewujudkan kehadiran sekolah di atas talian secara lebih formal. Melalui program-program sebegini, MYNIC Berhad dapat menghasilkan satu pencapaian yang besar dan bernilai kepada pada pelanggan kami.

Kakitangan syarikat adalah tulang belakang kepada MYNIC Berhad dan pengurusan kakitangan adalah merupakan cabaran utama lebih maju ke hadapan. Syarikat akan terus melabur dalam memastikan pembangunan kapasiti dan memupuk persekitaran yang professional. Selain itu juga, MYNIC kan berusaha untuk memastikan budaya korporat ditekankan melalui penerapan nilai-nilai etika dan integriti.

Kami telah bekerja keras untuk mencapai kecekapan kewangan dan peningkatan pendapatan sepanjang tahun dan hasil kami kekal kukuh menunjukkan penyata kewangan syarikat kekal teguh dan ini membolehkan perkhidmatan yang lebih cemerlang dalam semua perkara pada masa depan. Bagi penilitian tempoh kewangan pula, MYNIC Berhad mencatatkan perolehan sebanyak RM6.34 juta, iaitu peningkatan sebanyak 21.6% berbanding tahun sebelumnya.

MYNIC Berhad mengakhiri tahun kewangan 2011 dengan lebih kukuh dan dinamik. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan MYNIC Berhad yang berinovasi, dedikasi dan kerja keras selama ini. Bersama kita melangkah maju dan teruja untuk menanti cabaran mendatang.

Datuk Bridget Anne Chin Hung Yee
Pengerusi

Once again, we saw continued strong demand for .my domains, with a significant increase in both new registrations and renewals. The continued increase in the new registration rate (29.4%) is particularly encouraging, as it indicates that registrants value their domain names under the .my identity.

MYNIC Berhad has continued to explore and expand in areas it believes are important, including driving innovation and changes focusing on meeting the needs of our customers. We have launched .MY DAY 2011 in Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur to boost .my on-line presence and foster the adoption of Domain Name System (DNS) technologies in Malaysia. MYNIC has embarked on several key projects namely 1MYID and Get Malaysian Business Online (GMBO) in collaboration with Majlis Belia Malaysia and Google Malaysia respectively. 2011 also marked the beginning of Internationalized Domain Names for Jawi, Chinese and Tamil.

As a people-oriented and responsible government agency, MYNIC contributed significantly to Corporate Social Responsibilities (CSR) through 1nita and 2u-School projects. In 1nita, we collaborated with Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) to train more women entrepreneurs in expanding their businesses via the use of websites. While 2u-School focused on training the school administrators to maintain their official online presence. Through these projects, we have a very compelling story in creating greater value for our customers.

People are the backbone of MYNIC and talent management is the key challenge going forward. The company continued to invest in capacity development and a nurturing environment for our professionals. In the meantime, MYNIC strived to enhance its corporate culture with emphasis on ethical values and integrity.

We have worked hard to achieve further financial efficiencies and revenue improvements over the course of the year and as a result our balance sheet remains strong, enabling service excellence in all areas and positioning us well for the future. For the financial period under review, MYNIC Berhad registered a revenue of RM 6.34 million, an increase of 21.6% compared to the previous year.

MYNIC Berhad finished the 2011 financial year a stronger and more dynamic company. I would like to thank our people for their innovation, dedication and hard work over the years. Together we look forward to exciting times ahead.

Datuk Bridget Anne Chin Hung Yee
Chair

LEMBAGA PENGARAH

Board of Directors



YBhg. Datuk Bridget Anne Chin Hung Yee
Pengerusi / Chairman



YBhg. Dato' Dr. Madinah Mohamad
Ahli Lembaga Pengarah / Board of Director



YM. Tengku Farith Rithaudeen
Ahli Lembaga Pengarah / Board of Director



YB. Datuk Norah bt Abdul Rahman
Ahli Lembaga Pengarah / Board of Director



YBrs. Encik Nik Abdul Aziz bin Nik Yaacob
Ahli Lembaga Pengarah / Board of Director



YBrs. Cik Susanna Lim Wei Loong
Ahli Lembaga Pengarah / Board of Director



YBrs. Dr. Mazalan bin Kamis
Ahli Lembaga Pengarah / Board of Director

PENGURUSAN

Management



YBrs. Pn. Norsuzana Harun
Ketua Pegawai Operasi / Chief Operation Officer



YBrs. En. Mohamad Zamroh Mahmud
Ketua Pegawai Teknologi / Chief Technology Officer




YBrs. Pn. Norzaiton Senusi
Ketua Pegawai Kewangan / Chief Financial Officer



YBrs. En. Talib Sabri Sulaiman
Ketua Pegawai Strategi / Chief Strategy Officer

CARTA ORGANISASI

Organization Chart



PENCAPAIAN/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2011

Achievements/Activities in 2011





1nita@Tenang

1nita@Tenang

Tarikh: 27 Januari 2011

Siri pertama seminar 1nita untuk tahun 2011 telah diadakan di Tenang pada 27 Januari 2011 di Dewan Komuniti, Pekan Ayer Panas.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Fadillah Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) dan disaksikan oleh YB Dato' Noraini Ahmad, Pengerusi MYNIC Berhad dan Penghulu Ayer Panas, YBrs. Tuan Haji Ibrahim Yaman.

Hampir 100 orang telah menghadiri program 1nita ini. Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh YB Datuk Haji Fadillah Yusof, (MOSTI) dan Penghulu Ayer Panas, YBrs. Tuan Haji Ibrahim Yaman.

Ia kemudiannya disusuli dengan penerangan berkenaan Kepentingan Nama Domain dan Perniagaan Atas Talian (1nita) serta Kepentingan Keselamatan Internet oleh wakil-wakil daripada MYNIC Berhad dan CyberSecurity Malaysia.

Para peserta juga diberikan petunjuk pendaftaran nama domain dan nama-nama bersesuaian yang boleh menggambarkan perniagaan mereka. Secara amnya, kurang daripada 30% peserta-peserta tidak mempunyai perniagaan tetapi tetap hadir untuk mengetahui faedah-faedah program 1nita.



Date: 27 January 2011

The first series of 1nita seminar for year 2011 was organized in Tenang on 27 January 2011 at Community Hall, Pekan Ayer Panas, Johor.

The event was officiated by YB Datuk Haji Fadillah Yusof, Deputy Minister of Science, Technology & Innovation (MOSTI) and witnessed by YB Dato' Noraini Ahmad, Chairman of MYNIC Berhad and Penghulu Ayer Panas, YBrs. Tuan Haji Ibrahim Yaman.

Nearly 100 people attended the 1nita program. The day began with opening speeches by YB Datuk Haji Fadillah Yusof, (MOSTI) and Penghulu Ayer Panas, YBrs. Tuan Haji Ibrahim Yaman.

MYNIC Berhad and CyberSecurity Malaysia representatives then took the stage to explain 'The Importance of Domain Name and Online Business (1nita)' and 'Importance of Internet Security' respectively.

Participants were also advised on domain name registration and suitable names that reflect their businesses. Generally, less than 30% of the participants do not own any business and participated to explore the benefits of 1nita program.



1nita@Kerdau

1nita@Kerdau

Tarikh: 3 Mac 2011

MYNIC Berhad telah menganjurkan satu lagi siri program 1nita pada 3 Mac 2011 dan kali ini di Temerloh, Pahang.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Fadillah Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) dan disaksikan oleh YM Tengku Intan Narqiah Tengku Othman, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC Berhad serta Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan Sri Kerdau, YBrs. Encik Abdul Razak Kassim. Majlis ini juga mendapat perhatian istimewa dengan kehadiran YB Dato' Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi.

Bertempat di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Temerloh, program ini diadakan bertujuan untuk memberi penekanan kepada kepentingan perniagaan atas talian selain daripada memberi kesedaran mengenai program 1nita. Lebih daripada 100 warga Temerloh menghadiri program 1nita untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan program ini.

Semasa seminar tersebut, YBrs. Puan Norsuzana Harun, Pengurus Kanan Operasi MYNIC Berhad telah memberikan penerangan mengenai Kepentingan Nama Domain dan Perniagaan Atas Talian (1nita) kepada para hadirin. Demonstrasi pendaftaran portal 1nita termasuk panduan bagaimana untuk menyertakan dan mempromosikan produk - produk melalui platform 1nita juga ditunjukkan kepada para peserta. Sesi teknik fotografi juga telah diadakan. Para peserta juga dilatih cara-cara untuk memuat naik gambar-gambar produk yang sesuai untuk tujuan promosi.



Date: 3 March 2011

MYNIC Berhad organized another series of 1Nita program on 3 March 2011 and this time it is in Temerloh, Pahang.

The event was officiated by YB Datuk Haji Fadillah Yusof, Deputy Minister of Science, Technology & Innovation (MOSTI) and witnessed by YM Tengku Intan Narqiah Tengku Othman, former Chief Executive Officer of MYNIC Berhad and General Manager of 'Pertubuhan Peladang Kawasan Sri Kerdau', YBrs. Encik Abdul Razak Kassim. This event received special attention with the presence of YB Dato' Saifuddin Abdullah, Deputy Minister of Higher Education.

Located at Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Temerloh, the event was to highlight the importance of online business besides creating awareness on 1nita program. More than 100 people from Temerloh attended the 1nita program to know more about this program.

During the seminar, YBrs. Puan Norsuzana Harun, Senior Manager Operations of MYNIC Berhad briefly informed the Importance of Domain Name and Online Business (1nita) to the audience. Participants were also shown a demonstration on 1nita portal registration including guidelines on how to include and promote the products via 1nita platform. A photography technique session was also conducted. Participants were also trained on how to upload suitable pictures of products for promotion purposes.

MYNIC Berhad Melancarkan Laman Web Baru New Look For MYNIC Berhad Website

Tarikh: 2 April 2011

Laman web rasmi MYNIC Berhad iaitu www.domainregistry.my telah melalui proses penambahbaikan di mana berlakunya perubahan dari segi rekabentuk, susun atur dan juga pengisian. Ia digarap agar bersifat menyeluruh dan memenuhi keperluan para pengguna.

Pengisian yang dimuatkan juga bertujuan untuk mempromosi dan memberikan publisiti kepada syarikat. Kelainan yang ditonjolkan juga bersifat interaktif dan mudah dilayari serta lebih mesra pengguna.

Usaha ini adalah dilihat bersesuaian dengan matlamat serta hala tuju syarikat yang ingin memastikan imej syarikat dapat ditonjolkan dan sekaligus mampu meningkatkan penjualan nama domain .my.

Date: 2 April 2011

MYNIC Berhad official website (www.domainregistry.my) has undergone an improvement through changes in the design, layout and content. It's designed to be more comprehensive and to meet customer's need.

The content also aims to promote and provide publicity to the company. It introduced features which are interactive and easier to navigate and more user friendly website.

This effort is seen in line with the goals and direction of the company to ensure that the corporate image can be projected in the website and thus able to increase sales of .my domain names.



1nita@Kuching 1nita@Kuching

Tarikh: 6 - 8 April 2011

MYNIC Berhad telah menganjurkan bengkel 1nita pada 6 – 8 April 2011 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kuching, Sarawak.

Bengkel tersebut telah diterima baik oleh penduduk setempat dan usahawan – usahawan sekitar bandaraya Kuching. Ia berjaya menarik 32 usahawan wanita yang berminat untuk mempelajari kepentingan perniagaan atas talian dalam memperluaskan produk-produk mereka ke seluruh negara. Bengkel ini telah berlangsung selama 3 hari dan peserta-peserta telah diberikan penerangan berkenaan portal 1nita, demonstrasi dan pendaftaran nama domain .my.

YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Norizan Abdul Razak selaku penceramah jemputan telah berkongsi pandangan beliau tentang Penjenamaan Perniagaan berasaskan Internet bersama para peserta. Peserta-peserta juga dilatih cara untuk membina laman web sendiri. Di akhir bengkel tersebut, kesemua peserta telah berjaya membina laman web masing-masing yang berakhir dengan .my.

Acara penutup bengkel tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Wan Junaidi Tengku Jaafar, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dan disaksikan oleh YM Tengku Intan Narqiah Tengku Othman, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC Berhad. Puan Norsuzana Harun, Pengurus Kanan Operasi MYNIC Berhad kemudiannya menerangkan 'Kuasa Pemasaran Internet' diikuti dengan demonstrasi platform 1nita.

Beberapa peserta juga diberikan peluang untuk mempamerkan rekaan laman web mereka yang telah dibina semasa bengkel tersebut.

Lebih daripada 100 warga Kuching telah menghadiri majlis perasmian tersebut di Dewan Pustaka, Kuching. Peserta-peserta juga mengambil peluang ini untuk mempromosi dan menjual produk-produk mereka di sekitar dewan tersebut.

Date: 6 - 8 April 2011

MYNIC Berhad organized 1nita workshop from 6 – 8 April 2011 at University Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kuching, Sarawak.

The workshop which was very well received by the local residents and entrepreneurs and managed to attract 32 women entrepreneurs interested to learn the essence of online marketing in expanding their products nationwide. During the 3 days workshop, participants were given an explanation on the overview of 1nita including its portal with demonstration, and domain names registration.

Our invited speaker, YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Norizan Abdul Razak also shared her thoughts about Business Branding in the Internet. Participants then were guided to set up their own websites. At the end of the workshop, all participants have their own websites developed and registered with .my.

The workshop closing ceremony was officiated by YB Dato' Dr. Wan Junaidi Tengku Jaafar, Deputy Speaker of Dewan Rakyat and witnessed by YM Tengku Intan Narqiah Tengku Othman, former Chief Executive Officer of MYNIC Berhad. Puan Norsuzana Harun, Senior Manager Operations of MYNIC Berhad then explained 'The Power of Internet Marketing' followed by a demonstration on 1nita platform.

Several participants were also given a chance to show their website designs which were developed during the workshop.

More than 100 people attended the launching at Library Hall, Kuching. Participants also took the opportunity to promote and sell their products within the hall area.



Seminar Nama Domain Diantarabangsakan(IDN) Di Peringkat Kerajaan

Internationalized Domain Name (IDN) at Government Level

Tarikh: 19 April 2011

MYNIC Berhad telah menganjurkan Seminar Nama Domain Diantarabangsakan di Peringkat Kerajaan dengan tujuan untuk memberi kesedaran berkenaan IDN kepada sektor awam serta bertindak sebagai fasilitator untuk pendaftaran IDN.

Seminar ini telah diadakan pada 19 April 2011 di auditorium Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan dihadiri oleh YBrs. Puan Devi Annamalai, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Sekuriti Digital, SKMM dan YBhg. Datin Normala Sharom, Setiausaha Jabatan Informasi Teknologi, Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI).

Dalam seminar tersebut, YM Tengku Intan Narqiah Tengku Othman, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC Berhad telah berkongsi dengan para audien sedikit-sebanyak mengenai latar belakang, pencapaian dan projek-projek yang telah dirangka pada masa depan oleh MYNIC Berhad termasuklah:

- Jumlah nama domain;
- Strategi MYNIC Berhad;
- Projek-projek di bawah RMK9 dan RMK10;
- Aktiviti Khidmat Masyarakat;
- Aktiviti Tanggungjawab Korporat Sosial; dan
- Aktiviti-aktiviti Pemasaran Tahun 2011.

Sementara itu, Encik Lai Heng Choong, Pengurus Aplikasi & Pangkalan Data MYNIC Berhad juga menerangkan objektif keseluruhan IDN untuk rakyat Malaysia. Beliau juga membawa audien kepada perspektif yang lebih menyeluruh berkenaan IDN dengan berkongsi pengalaman dan pemahaman beliau terhadap topik-topik seperti di bawah:

- Bagaimana IDN berfungsi;
- IDN, IPv6 dan DNSSEC;
- IDN dan Sekuriti;
- Aplikasi-aplikasi IDN;
- Kepentingan IDN;
- IDN di Malaysia;
- Negara-negara yang menyokong IDN; dan
- Isu-isu dan Cabaran-cabaran IDN.



Dalam menguatkan lagi kepentingan IDN, Cik Rafidah Mat Isa (Penolong Pengarah Jabatan Sekuriti, Kepercayaan dan Pentadbiran, SKMM), juga sempat berkongsi tentang sejarah IDN dan topik-topik lain seperti berikut:

- Gambaran Keseluruhan Tentang IDN;
- Kumpulan Kerja IDN;
- Pelan Pelaksanaan IDN 2008 – 2011;
- Kaji selidik IDN; dan
- Di manakah IDN kini?

Kaunter pendaftaran juga telah dibuka semasa seminar tersebut untuk membantu peserta-peserta memahami IDN dan pendaftaran nama domain. Lebih daripada 10 peserta daripada institusi-institusi pendidikan telah mendaftar nama domain IDN di akhir seminar.

Seminar ini berjaya menarik hampir 100 peserta yang kebanyakannya daripada Kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan institusi-institusi pendidikan.

Date: 19 April 2011

MYNIC Berhad organized an Internationalized Domain Name Seminar at Government Level with the objective to create awareness on IDN in public sector as well as to be the facilitator for IDN registration.

The seminar was held on 19 April 2011 at Malaysia Communications and Multimedia Commission auditorium and was attended by YBrs. Puan Devi Annamalai, Director of Digital Security Services Department, MCMC and YBhg. Datin Normala Sharom, Secretary of Information Technology Department, Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).

During the seminar, YM Tengku Intan Narqiah Tengku Othman, the former CEO of MYNIC Berhad shared MYNIC Berhad's background, achievements and future projects with the participants including:

- Growth of .my domain names;
- Strategy of MYNIC Berhad;
- RMK9 and RMK10 projects;
- Community Service Activities;
- CSR activity; and
- 2011 Marketing activities.

Mr. Lai Heng Choong, Application & Database Manager of MYNIC Berhad highlighted the overall objective of IDN for Malaysia. In his presentation, Mr. Lai also explained broader perspectives of IDN by sharing his experience and understanding on the topics below:

- How IDN works;
- IDN, IPv6 and DNSSEC;
- IDN and Security;
- IDN Applications;
- The Importance of IDN;
- IDN in Malaysia;
- Country Supported IDN; and
- Issues and Challenges.

To support the importance of IDN, Ms. Rafidah Mat Isa (Deputy Director, Digital Security Services Department, MCMC), also highlighted the history of IDN. In addition, she also shared topics below:

- Overview on IDN;
- IDN working group;
- Roadmap IDN 2008 – 2011;
- IDN Survey; and
- Where is IDN today?

A registration booth was also opened during the seminar to facilitate participants in the registration for domain name. More than 10 participants mainly from educational institutions registered their IDN domain names at the end of the seminar.

The seminar managed to attract nearly 100 participants who were from the ministries, government agencies and educational institutions.



Pelancaran Semakan Status Permohonan di Laman Web & Kebolehsediaan (Availability) Nama Domain Melalui SMS

View Online Application Status & Domain Name Availability Via SMS

Tarikh: 23 Mei 2011

Dalam usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan nama domain .my mulai 23 Mei 2011, MYNIC Berhad telah menyediakan dua kemudahan seperti berikut:

1. Semakan Status Permohonan Atas Talian membantu para pelanggan mengetahui dan menyemak status permohonan baru melalui laman web .my dengan segera; dan
2. Kebolehsediaan Nama Domain Melalui SMS membolehkan para pelanggan menghantar SMS untuk mengetahui kebolehsediaan nama domain .my.

Date: 23 May 2011

To enhance .my domain name service effective from 23 May 2011, MYNIC Berhad introduced two new facilities below:

1. Online Application Status will enable customers to view and check their new application status in MYNIC Berhad website instantly; and
2. Domain Name Availability via SMS will enable customers to sent SMS to MYNIC Berhad in order to check the availability of .my domain names.



Mesyuarat Tahunan Wakil Jualan Reseller Annual Meeting



Tarikh: 8 Jun 2011

Mesyuarat Tahunan Wakil Jualan 2011 telah diadakan pada 8 Jun 2011 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Seramai 80 orang wakil jualan telah hadir yang mewakili 60 buah syarikat Wakil Jualan di seluruh Malaysia.

Mesyuarat telah berjalan dengan lancar selama lebih kurang 4 jam dengan dipengerusikan oleh Encik Muzaffar dan Cik Nor Erzi Teh Mohamad. Selain daripada pembentangan yang diadakan oleh wakil-wakil dari MYNIC Berhad, Wakil-wakil Jualan juga diberi peluang untuk membentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing. Kesemua Wakil Jualan yang hadir pada hari itu telah dibahagikan kepada 8 kumpulan di mana setiap kumpulan terdiri daripada 9 orang ahli dan seorang ketua. Setiap kumpulan membentangkan cara-cara untuk meningkatkan jualan nama domain .my dan kekangan yang dihadapi.

Pihak MYNIC Berhad telah berjaya mengumpulkan kesemua pendapat, cadangan dan maklumbalas yang telah dibentangkan untuk tindakan lanjut.

Date: 8 June 2011

Reseller Annual Meeting 2011 was held on 8 June 2011 at Putra World Trade Centre (PWTC). A total of 80 resellers representing 60 companies across Malaysia attended.

The meeting lasted about 4 hours, chaired by Mr. Muzaffar and Ms. Nor Erzi Teh Mohamad. Apart from the presentation by MYNIC Berhad representatives, resellers were given the opportunity to present their findings based on their group discussion. The resellers were divided into 8 groups which consist of 9 members and a leader. Each group was required to present on ways to increase domain name sales and constraints faced by them.

MYNIC Berhad considered and acted on all ideas, proposals and feedback presented by resellers during the meeting.



2u-school 2u-school

Tarikh: Jun 2011

Projek 2u-school ini merupakan satu lagi inisiatif kerajaan Malaysia yang dirancang bertujuan untuk merapatkan lagi jurang digital di antara sekolah-sekolah bandar dan luar bandar.

Projek yang berlandaskan tanggungjawab sosial korporat ini membolehkan sekolah-sekolah mempunyai identiti atas talian yang unik dan platform individual untuk mereka berinteraksi secara maya dengan para ibubapa dan komuniti sekeliling. Melalui projek ini, pihak Kerajaan berharap akan dapat memperkasakan lagi penggunaan internet khususnya untuk komuniti sekolah.

Secara amnya, projek 2u-school membolehkan sekolah mempunyai laman web sendiri yang menggunakan teknologi terkini dan mudah dikendalikan tanpa perlu menghadiri kursus yang panjang.

Selain daripada itu, pihak MYNIC Berhad tidak mengenakan sebarang bayaran untuk pembangunan dan penyelenggaraan laman web selama 2 tahun. Sebagai tambahan, setiap sekolah telah dibekalkan dengan manual dan bantuan teknikal yang ringkas serta mudah difahami. Ia bertujuan untuk mengurangkan beban kakitangan sekolah mengendalikan sesebuah laman web.

Untuk tahun 2011, MYNIC Berhad telah melatih sebanyak 200 buah sekolah.

Date: June 2011

2u-school is another initiative by the Malaysian Government aimed to reduce the digital gap between urban and rural schools.

The CSR project enables schools to have unique online identifies and individual platforms for students to interact virtually with their parents and community. Through this program, the Government anticipated that Internet usage can be strengthened especially for schools.

Generally, 2u-school enable schools to have user-friendly websites incorporating the latest technology without attending lengthy course.

MYNIC Berhad also provided free website development and maintenance for two years. In addition, all schools were equipped with manual and brief technical assistance which was easily understood. This aims to reduce the personnel burden in managing websites.

In 2011, MYNIC Berhad trained 200 schools in Johor and Negeri Sembilan.



Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Information Security Management System (ISMS)



Tarikh: Pertengahan Jun 2011

MYNIC Berhad sedang melaksanakan ISO 27001:2005 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Rancangan Malaysia ke-10 di bawah projek ISMS & Pengurusan Risiko Enterpris (ERM) sebagaimana yang telah diarahkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Pensijilan ISMS ini juga bagi memenuhi keperluan Infrastruktur Maklumat Kritikal Kebangsaan (CNII).

Kerja-kerja ke arah mencapai pensijilan ISMS telah bermula pada 6 Jun 2011 dan dijangka dapat disempurnakan pada tahun 2012. Skop ISMS meliputi semua bahagian, jabatan, unit dan pusat data MYNIC Berhad.

Antara objektif Pelaksanaan dan Pensijilan ISMS ialah seperti berikut:

- Untuk meningkatkan keyakinan pelanggan, kepuasan pihak yang berkepentingan dan persepsi pasaran organisasi;
- Untuk mengenalpasti bidang penambahbaikan;
- Untuk membangunkan Rangka Kerja ISMS dengan menggunakan Piawai Antarabangsa sebagai penanda aras;
- Untuk membangunkan panduan yang telah disesuaikan untuk rangka kerja yang fleksibel dan cekap;
- Untuk menyelaraskan proses dan objektif IT dengan objektif perniagaan secara menyeluruh;
- Untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan mencapai tahap yang konsisten dalam operasi; dan
- Untuk mengurangkan kos dengan merasionalkan sistem dalaman, amalan dan proses.

Bagi MYNIC Berhad, ISMS telah terbukti sebagai piawai terbaik setakat ini yang merangkumi keseluruhan aspek keselamatan maklumat secara komprehensif. Justeru, seluruh anggota MYNIC Berhad dan pihak pakar perunding akan bekerjasama dengan penuh dedikasi dan komitmen untuk mencapai tahap pensijilan dan pelaksanaan ISMS pada tahun 2012.

Date: Middle Jun 2011

MYNIC Berhad embarked on ISO 27001:2005 Information Security Management Systems implementation. This initiative is part of 10th Malaysia Plan under the ISMS & Enterprise Risk Management (ERM) project as directed by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). The ISMS certification is also to fulfill the requirements of Critical National Information Infrastructure (CNII).

The work towards achieving ISMS certification started on 6 June 2011, to be completed by 2012. The ISMS scope covered all divisions, departments, units and data centres of MYNIC Berhad.

Amongst the objectives of ISMS Implementation and Certification were:

- To enhance customers confidence, stakeholders satisfaction and market perception of organization;
- To identify areas for improvements;
- To develop ISMS Framework using International Standards as benchmark;
- To develop guides for framework flexibility and efficiency;
- To align the IT processes and objectives with the overall business objectives;
- To improve management control and achieve consistency in operations; and
- To minimize costs by rationalizing internal systems, practices and processes.

For MYNIC Berhad, ISMS proved to be the best standards so far that comprehensively covers all aspects of information security. MYNIC Berhad together with consultant will work with dedication and commitment in achieving and implementing ISMS certification in 2012.



Hari .my 2011 .my Day 2011

Tarikh: Jun 2011

Pada 30 Jun 2011, pentadbir tunggal untuk semua laman web yang berakhir dengan .my di Malaysia, MYNIC Berhad telah melancarkan Hari .my 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertujuan untuk meningkatkan kehadiran atas talian .my dan menggalakkan pelaksanaan teknologi Sistem Nama Domain (DNS) di Malaysia.

Acara yang berlangsung selama 3 hari bermula daripada 29 Jun 2011 dan berakhir pada 1 Julai 2011 ini telah menengahkan aktiviti-aktiviti menarik termasuklah *Workshop on The Adoption of IPv6 and DNSSEC in Domain Name System (DNS)*, *Internet Marketing Seminar*, *Resellers Meeting* dan acara penyampaian anugerah untuk Wakil Jualan Terbaik 2010, Wakil Jualan Paling Inovatif & Kreatif 2010 dan Pelanggan Paling Setia.

Hari .my 2011 juga menyaksikan beberapa program kerjasama diadakan di antara MYNIC Berhad dengan Pejabat Pelajaran Daerah Negeri Johor - Muar, Batu Pahat dan Pontian serta Pejabat Pelajaran Daerah Negeri Sembilan - Seremban di bawah projek 2u-school. Projek yang mendapat sokongan padu daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bertujuan untuk mengurangkan jurang digital di kalangan sekolah di bandar dan luar bandar di mana 200 sekolah akan didaftarkan dengan nama domain .my dan pengurusan laman web secara percuma selama dua tahun.

Sehingga 26 Jun 2011 MYNIC Berhad telah melatih lebih daripada 120 sekolah di daerah Batu Pahat dan Seremban. Projek ini telah pun dimulakan pada pertengahan bulan Jun di mana wakil pihak sekolah telah dilatih dalam membangunkan laman web masing-masing dengan menggunakan identiti .my. MYNIC Berhad juga turut mengadakan projek kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Dr. Irfan Khairi, jutawan internet daripada Irfan

Khairi Sdn. Bhd. Kerjasama strategik dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bertujuan untuk melatih usahawan-usahawan wanita dalam memperluaskan perniagaan mereka melalui laman web. Inisiatif ini merupakan kesinambungan daripada projek Tnita yang dikendalikan oleh MYNIC Berhad. Manakala kerjasama dengan Irfan Khairi Sdn. Bhd. adalah sebahagian daripada strategi pemasaran MYNIC Berhad dalam meningkatkan kesedaran ke atas identiti internet .my.

Pihak MYNIC Berhad berharap peserta-peserta akan dapat menikmati faedah-faedah daripada aktiviti bermanfaat yang diadakan selari dengan objektif dalam meningkatkan jumlah nama domain .my dan kehadiran atas talian. YM Tengku Intan Narqiah Tengku Othman, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC Berhad bercadang untuk menjadikan Hari .my 2011 sebagai satu acara tahunan MYNIC Berhad.

Date: June 2011

On 30 June 2011, the sole administrator for all web addresses end with .my in Malaysia, MYNIC Berhad launched .my Day 2011 in Putra World Trade Centre (PWTC). The event which was officiated by YBhg. Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Deputy Secretary General (Policy) of Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) which aims to boost .my online presence and foster the adoption of Domain Name System (DNS) technologies in Malaysia.

This 3-day event started from 29 June 2011 to 1 July 2011 and highlighted exciting activities such as Workshop on The Adoption of IPv6 and DNSSEC in Domain Name System (DNS), Internet Marketing Seminar, Resellers Meeting and award presentation ceremony for The Best Reseller Performance 2010, The Most Innovative & Creative Reseller 2010 and The Most Loyal Customer.

.my Day 2011 announced the collaboration between MYNIC Berhad with Pejabat Pelajaran Daerah Negeri Johor — Muar, Batu Pahat and Pontian as well as Pejabat Pelajaran Daerah Negeri Sembilan — Seremban for 2u-school project. The project which is fully supported by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) aims to reduce the digital gap among urban and rural schools where 200 schools will be registered with free .my domain name and website management for two years.

